

## Universiti tempatan umum inisiatif bantuan kewangan, pekerjaan bagi bakal siswazah



Published: 24/4/2020 10:07

Updated: 24/4/2020 22:20

SINGAPURA: Universiti Nasional Singapura (NUS) mengumumkan pada Jumaat (24 Apr) satu inisiatif untuk menawarkan jawatan pekerjaan sepenuh masa dengan gaji dan latihan yang dibiaya bagi para pelajar yang akan menamatkan pengajian, di tengah-tengah pasaran pekerjaan yang suram semasa pandemik COVID-19.

Para pelajar yang menamatkan pengajian pada 2020 boleh memohon untuk 200 jawatan sepenuh masa dalam universiti tersebut, meliputi pelbagai peranan dalam pentadbiran pusat, 17 fakulti dan sekolah, 29 institut kajian dan National University Health System, menurut universiti itu dalam satu kenyataan media.

Mereka juga boleh memohon untuk 800 program latihan dalam empat bidang - pendidikan, kajian, keusahawanan serta eksekutif dan karyawan, menurut NUS. Jawatan itu akan dilancarkan dengan kerjasama Program Latihan SG United yang juga diumumkan pada Jumaat.

Pihak pemerintah akan memperuntukkan S\$100 juta untuk membiayai skim latihan itu, menurut Kementerian Tenaga Manusia (MOM) dan Workforce Singapore (WSG) pada Jumaat. Mulai 1 Jun, para graduan baru Institut Pendidikan Teknikal (ITE), politeknik, universiti dan institusi-institusi lain akan dapat memanfaatkan program itu.

Di bawah program itu, latihan akan diadakan untuk 12 bulan. Para pelatih akan mendapat elaun latihan bulanan, berdasarkan skop dan kemahiran yang diperlukan bagi program latihan itu.

Pemerintah akan membiayai 80 peratus daripada elaun tersebut dan syarikat yang menerima pelatih akan membiayai bakinya.

Elaun latihan bulanan ini dikaitkan dengan 50 hingga 70 peratus gaji permulaan median, menurut WSG dan MOM. Syarikat-syarikat tidak perlu membuat sumbangan CPF bagi para pelatih kerana "tiada hubungan majikan-pekerja" di bawah program itu, menurut pihak berkuasa.

Bagi melayakkan diri untuk program tersebut, para pelatih mestilah rakyat atau penduduk tetap Singapura. Mereka juga mesti sudah tamat pengajian - atau akan menamatkan pengajian - pada tahun 2019 atau 2020, atau telah menamatkan pengajian lebih awal dan selesai Perkhidmatan Negara pada 2019 atau 2020.

Lebih 280 pertubuhan di seluruh sektor privet, Pemerintah dan institut pengajian tinggi telah menawarkan lebih 4,000 tempat latihan di bawah program itu, menurut pihak berkuasa. Matlamatnya adalah untuk menyediakan sehingga 8,000 peluang latihan tahun ini meliputi pelbagai bidang seperti sains hayat, kejuruteraan dan kesenian.

Semua pelatih akan memiliki akses kepada semua kursus dan sijil Pendidikan dan Latihan Berterusan (CET) universiti itu secara percuma.

Para lulusan rakyat Singapura yang menerima bantuan kewangan akan diberi keutamaan dalam mendapatkan latihan dibiaya ini.

Universiti Teknologi Nanyang (NTU) mengumumkan pada Rabu pakej bantuan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada para pelajar yang terjejas akibat pandemik itu. Inisiatif tambahan untuk membantu para siswazah mendapatkan pekerjaan akan didedahkan minggu depan, menurut universiti itu dalam satu kenyataan media.

Di bawah pakej bantuan itu, NTU telah menujuhkan OneNTU Fund bernilai S\$2 juta untuk menyokong pelajar rakyat dan penduduk tetap Singapura yang "memerlukan bantuan segera akibat penularan COVID-19".

Para pelajar yang layak boleh mendapatkan pembiayaan pendahuluan tanpa faedah, sehingga S\$1,500, yang akan dikembalikan kepada NTU dalam tempoh dua tahun setelah menamatkan pengajian, menurut universiti itu.

NTU juga akan menujuhkan NTU Priorities Fund, yang diterajui oleh dermawan privet. Dana ini akan menangani "keperluan segera" yang dikenal pasti oleh universiti dan akan digunakan untuk menawarkan bantuan kewangan kepada pelajar NTU yang "paling memerlukan" yang terjejas oleh COVID-19 "yang tiada saluran bantuan lain".

Source: <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/eksklusif/corona-outbreak/universiti-tempatan-umum-inisiatif-bantuan-kewangan-pekerjaan/4436450.html>